



# PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim dan warganegara Malaysia adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan sebagaimana berikut :

## IJAZAH

(KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)

› PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41

## SIJIL/DIPLOMA

(KUMPULAN PELAKSANA)

› PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT27

Pendaftaran permohonan jawatan adalah dibuka sehingga tarikh tutup iklan dan hanya diterima melalui permohonan secara *online* sahaja. Sebarang surat menyurat dan penghantaran *resume* tidak diperlukan. Hanya calon yang berkelayakan dan melepassi tapisan akan dipanggil temu duga. Calon-calon yang berjaya dipanggil temu duga dikehendaki membawa bersama Borang SPAJ.01 yang telah lengkap diisi beserta gambar berukuran pasport serta dilampirkan bersama salinan-salinan dokumen yang ditetapkan. Kad Pengenalan dan Dokumen-Dokumen Asal yang berkaitan hendaklah di bawa ketika menghadiri sesi temu duga.

Mohon secara ONLINE dengan menggunakan Borang SPAJ.01 Online yang boleh diisi dan dicetak di Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor :

**<http://spaj.johor.gov.my>**

## TARIKH TUTUP : SEBELUM ATAU PADA 15 MAC 2015 (AHAD)

Borang SPAJ.01 Online boleh didapati melalui menu Pemohon Pekerjaan di Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor di alamat url <http://www.spaj.gov.my>. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan SPAJ di talian 07-266 6422/6423.



## **SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR**

Peluang kerjaya dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Johor, dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Takzim dan Warganegara Malaysia untuk mengisi kekosongan jawatan sebagaimana berikut:

### **1. SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>: PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>: TETAP</b>
<b>GRED / JADUAL GAJI</b>	<b>: F 41</b>

<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>	<b>Kenaikan Gaji Tahunan</b>
<b>RM2,146.00</b>	<b>RM8,718.00</b>	<b>RM225.00</b>

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - (a) Warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c)
      - i) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[ Gaji Permulaan pada Gred F41 : RM2,146.00 ] atau
      - ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[ Gaji Permulaan pada Gred F41 : RM2,353.44 ] atau
      - iii) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[ Gaji Permulaan pada Gred F41 : RM2,664.78 ] dan
      - iv) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[ Gaji Permulaan pada Gred F41 : RM2,976.11 ].
    - dan
    - (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu(termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk KPSL ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan seperti di atas
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh

## **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan Jabatan.

### **2. SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT27**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>: PERKHIDMATAN PENTADBIRAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: SOKONGAN</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>: TETAP</b>
<b>GRED / JADUAL GAJI</b>	<b>: NT27</b>

<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>	<b>Kenaikan Gaji Tahunan</b>
<b>RM1,362.00</b>	<b>RM5,092.00</b>	<b>RM 145.00</b>

### **SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c)
    - i) Warganegara Malaysia;
    - ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - iii) Sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; [ Gaji Permulaan pada Gred NT27: RM1,362.00] atau
    - iv) Sijil dalam bidang kejuruteraan (ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; [ Gaji Permulaan pada Gred NT27: RM1,362.00] atau
    - v) Diploma ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [ Gaji Permulaan pada Gred NT27: RM1,737.15 ]
    - vi) Diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. ;dan [ Gaji Permulaan pada Gred NT27: RM1,737.15 ]
  - (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu(termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab menerima dan memproses permohonan pengambilan balik tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Agensi-agensi Kerajaan, mengawasi pelaksanaan kerja-kerja penempatan dan memperakukan kepada Pemungut Hasil Tanah atau pengesahan pelan-pelan yang disediakan oleh Jabatan Ukur bagi penempatan terakhir, memproses permohonan tanah, lesen pendudukan sementara dan permit, terlibat dalam urusan pendaftaran hak milik dan urusan tanah, urusan penguatkuasaan dan tugas-tugas lain yang diarahkan.

## **PANDUAN PERMOHONAN :**

1. Pendaftaran pemohonan jawatan hanya diterima secara **ONLINE** melalui Borang SPAJ.01 dengan melayari **Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor** : <http://spaj.johor.gov.my>
2. Pendaftarn permohonan jawatan yang telah lengkap di isi secara *online* hendak **DIPERAKUKAN** oleh pemohon untuk di hantar secara *online* sebelum atau pada tarikh tutup permohonan. Borang permohonan yang dicetak **TIDAK PERLU** di hantar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor.
3. Bagi tujuan menghadiri ujian fizikal, peperiksaan dan temu duga, pemohon boleh mencetak semula Borang SPAJ.01 yang telah di daftarkan.
4. Dokumen asal dan salinan yang perlu dibawa ketika menghadiri temu duga :
  - i) **Borang SPAJ.01**
  - ii) **Gambar berukuran pasport**
  - iii) **Sijil Beranak**
  - iv) **Kad Pengenalan**
  - v) **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**
  - vi) **Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (sekiranya berkaitan)**
  - vii) **Sijil/Diploma/Ijazah serta salinan transkrip (sekiranya berkaitan)**
  - viii) **Keputusan LULUS Peperiksaan Khas (KPSL) bagi kakitangan kerajaan (sekiranya berkaitan)**
  - ix) **Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat (Tetap dan Kontrak) perlu membawa perakuan Ketua Jabatan, Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Prestasi Tahunan (1 hingga 3 tahun penilaian)**

## **PERINGATAN :**

[Sekiranya pemohon **GAGAL** menyediakan senarai dokumen di atas akan menjelaskan penilaian temu duga].

5. Calon hanya perlu mengisi **satu borang permohonan untuk memilih jawatan kosong** yang bersesuaian mengikut kelayakan skim jawatan.
6. Hanya calon-calon yang berkelayakan dan melepas tapisan akan dipanggil temuduga. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan selepas **(6) enam bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
7. Sila "Like" Facebook atau "Follow" Twitter Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor sebagai media saluran maklumat terkini di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor.



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

## **PERMOHONAN HENDAKLAH DIHANTAR SECARA *ONLINE*:**

**Sebelum atau pada 15 Mac 2015 (Selasa)**

